

▼03/12/19-55MST

CNS4973

U GB 03-12 00165 BH896

bah

Mahathir - Keating

DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BELUM LIHAT SURAT KEATING

I

LANGKAWI, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum melihat surat Perdana Menteri Australia Paul Keating yang menjelaskan beliau tidak pernah berniat menghina Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau belum lagi membaca laporan akhbar berhubung perkara itu kerana beliau sedang menghadapi khemah kerja di Kem Bina Negara di sini sejak semalam.

"Saya belum lagi membaca akhbar. Perhubungan saya terputus semasa berada di khemah kerja kerana di sini tidak ada akhbar, tidak ada radio dan tidak ada televisyen," katanya kepada pemberita di Sheraton Langkawi Resort di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam, sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke pulau ini.

Ketika menjawab soalan daripada seorang pemberita TV Australia yang berkata surat itu tidak mengandungi perkataan "maaf", Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu... mungkin ada perkataan lain yang membawa makna yang sama." -- Lagi

▼03/12/21-14MST

CNS4974

U GB 03-12 00120 BH897

bah

Mahathir - Keating 2 (Akhir) Langkawi

Ketika ditanya bila beliau akan membaca surat itu, Dr Mahathir berkata beliau akan berbuat demikian apabila mendapat surat itu.

"Saya pasti kakitangan saya akan menghantarnya kepada saya," katanya.

Ketika diminta mengulas tindakan Kementerian Penerangan untuk menghentikan penyiaran program dan iklan radio dan televisyen dari Australia, beliau berkata: "Saya tidak tahu, saya perlu bertanya kepada Datuk Mohamed Rahmat."

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak mengetahui mengenai pembatalan Jawatan Keating ke Malaysia tahun depan.

Esok Perdana Menteri dijadual merasmikan Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri dan melawat taman buaya di Teluk Datai sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah tengah hari. -- Bernama

KHY AKD

▼03/12/21-19MST